

PERJANJIAN
DI ANTARA
KERAJAAN UKRAINE
DAN
KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BAGI PENGALAKAN DAN PERLINDUNGAN TIMBAL BALIK
PELABURAN

Kerajaan Ukraine dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini disebut bersama sebagai “Pihak-Pihak Pejanji” dan tiap-tiap Kerajaan disebut sebagai “Pihak Pejanji”),

Dengan hasrat hendak mewujudkan keadaan yang baik bagi kerjasama ekonomi yang meluas di antara kedua-dua pihak dan khususnya bagi pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur satu Pihak Pejanji di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi,

Dengan menyedari bahawa pengalakan dan perlindungan timbal balik di bawah perjanjian-perjanjian antarabangsa bagi pelaburan-pelaburan tersebut akan mendatangkan faedah bagi merangsang daya usaha perniagaan dan akan meningkatkan kemakmuran di kedua buah negara,

Dengan menyedari peri pentingnya pemindahan teknologi dan pembangunan sumber tenaga manusia yang timbul dari pelaburan-pelaburan tersebut,

Telah bersetuju seperti berikut:

PERKARA 1
TAKRIFAN

Bagi maksud-maksud Perjanjian ini:

1. Perkataan “pelaburan” hendaklah mengandungi setiap jenis aset yang dilaburkan berhubung dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang dibuat oleh pelabur satu Pihak Pejanji di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi menurut undang-undang

Pihak Pejanji yang satu lagi itu dan hendaklah termasuk, khususnya, tetapi tidak secara eksklusif:

- a) harta alih dan harta tak alih dan juga sebarang hak harta yang lain seperti gadaijanji, lien, cagaran, dan hak-hak yang sama;
- b) syer, saham dan debentur syarikat dan sebarang bentuk lain penyertaan dalam sesebuah syarikat dan juga sekuriti yang dikeluarkan oleh suatu Pihak Pejanji;
- c) tuntutan terhadap wang atau terhadap sebarang pelaksanaan di bawah kontrak yang ada kaitannya dengan sesuatu pelaburan, yang ada nilai ekonomi;
- d) hak harta intelektual dan perindustrian, khususnya hakcipta, paten, paten utiliti-model, reka bentuk berdaftar, tanda perdagangan, nama perdagangan, rahsia perdagangan dan perniagaan, proses teknikal, kepandaian dan nama baik;
- e) sebarang hak yang diberikan oleh undang-undang atau di bawah kontrak dan sebarang lesen dan permit menurut undang-undang, termasuk konsesi untuk mencari, mengeluarkan, mengerjakan atau mengeksploitasi sumber asli.

Sebarang perubahan pada bentuk bagaimana aset itu dilaburkan tidaklah menjejaskan pengelasan aset itu sebagai suatu pelaburan.

2. Perkataan “wilayah” hendaklah bermakna wilayah tiap-tiap Pihak Pejanji dan juga kawasan maritim, pelantar benua dan zon ekonomi eksklusif tiap-tiap Pihak Pejanji yang ke atasnya Pihak Pejanji itu boleh menjalankan kedaulatan, hak kedaulatan atau bidang kuasa menurut undang-undang antarabangsa.
3. Perkataan “pulangan” hendaklah bermakna amaun yang dihasilkan oleh sesuatu pelaburan dan khususnya, tetapi tidak secara eksklusif, termasuk keuntungan, faedah, laba modal, syer, dividen, royalti atau fee.
4. Perkataan “pelabur” hendaklah bermakna mana-mana rakyat atau orang di sisi undang-undang yang membuat pelaburan di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi.
 - a) Perkataan “rakyat” hendaklah bermakna orang sebenar yang merupakan seorang rakyat suatu Pihak Pejanji di bawah undang-undang yang terpakai;
 - b) Perkataan “orang di sisi undang-undang” hendaklah bermakna:

- i) berkaitan dengan Ukraine
Mana-mana orang di sisi undang-undang yang diperbadankan dan didaftarkan di bawah undang-undang negara Ukraine.
- ii) berkaitan dengan Negara Brunei Darussalam
Sebarang jenis entiti juridikal, termasuk sebarang perkongsian, perbadanan, badan korporat, firma, persatuan atau pertubuhan lain dengan atau tanpa keperibadian undang-undang yang sempurna diperbadankan atau ditubuhkan atau pun selainnya diselenggarakan di dalam Negara Brunei Darussalam dengan liabiliti yang terhad atau tidak terhad tanpa mengira sama ada atau tidak entiti-entiti mereka diurus untuk mendapat keuntungan.

PERKARA 2

PENGGALAKAN DAN PERLINDUNGAN PELABURAN

1. Tiap-tiap Pihak Pejanji hendaklah di dalam wilayahnya menggalakkan setakat yang boleh pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi dan menerima pelaburan-pelaburan tersebut menurut undang-undang dan peraturan-peraturannya. Tiap-tiap Pihak Pejanji hendaklah pada setiap masa memastikan layanan yang adil dan saksama diberikan kepada pelaburan-pelaburan yang dibuat di dalam wilayahnya oleh pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi.
2. Pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur tiap-tiap Pihak Pejanji hendaklah pada setiap masa menikmati perlindungan penuh dan jaminan di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi. Pulangan dari pelaburan dan, sekiranya mereka membuat pelaburan semula, pulangan dari pelaburan semula itu hendaklah mendapat perlindungan yang sama dengan pelaburan tersebut. Salah satu Pihak Pejanji tidaklah boleh dalam apa jua cara melemahkan dengan langkah-langkah yang sewenang-wenangnya atau berat sebelah pengurusan, penyelenggaraan, penggunaan atau penikmatan pelaburan-pelaburan di dalam wilayahnya yang dibuat oleh pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi.
3. Perjanjian ini hendaklah juga dikenakan kepada pelaburan-pelaburan yang dibuat sebelum Perjanjian ini mula berkuatkuasa oleh pelabur-pelabur salah satu Pihak Pejanji di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi selaras dengan undang-undang Pihak Pejanji yang satu lagi itu.

PERKARA 3

LAYANAN NASIONAL DAN LAYANAN NEGARA YANG PALING DIUTAMAKAN

1. Salah satu Pihak Pejanji tidaklah boleh membiarkan pelaburan-pelaburan di dalam wilayahnya yang dimiliki atau dikawal oleh pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi mendapat layanan yang kurang baik dari layanan yang diberikan olehnya kepada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelaburnya sendiri atau pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur dari mana-mana Negara ketiga.
2. Salah satu Pihak Pejanji tidaklah boleh membiarkan pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi, mengenai aktiviti mereka berhubung dengan pelaburan-pelaburan di dalam wilayahnya, mendapat layanan yang kurang baik dari layanan yang diberikan olehnya kepada pelabur-pelaburnya sendiri atau pelabur-pelabur dari mana-mana Negara ketiga.
3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 Perkara ini tidaklah boleh ditafsirkan bagi menghendaki satu Pihak Pejanji untuk memberikan kepada pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi faedah dari apa-apa layanan, keutamaan atau keistimewaan yang mungkin diberikan oleh Pihak Pejanji yang terdahulu menurut:
 - a) sebarang kesatuan kastam, kawasan perdagangan bebas, kesatuan monetari atau perjanjian-perjanjian antarabangsa yang sama yang membawa kepada kesatuan-kesatuan atau institusi-institusi tersebut atau bentuk lain kerjasama serantau yang dianggotai atau mungkin dianggotai oleh salah satu Pihak Pejanji;
 - b) sebarang perjanjian antarabangsa dan penyusunan yang seluruhnya atau sebahagian besarnya berhubung dengan pencukaian atau sebarang undang-undang domestik yang seluruhnya atau sebahagian besarnya berhubung dengan pencukaian.

PERKARA 4

PEMILIKNEGARAAN ATAU PENGAMBILAN

1. Pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur salah satu Pihak Pejanji tidaklah boleh diambil atau dimiliknegerakan atau tertakluk secara langsung atau tidak langsung kepada langkah-langkah yang mempunyai kesan yang sama dengan pengambilan atau pemiliknegeraan (selepas ini disebut sebagai "pengambilan") di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi kecuali bagi

sesuatu maksud awam dan atas dasar yang tidak berat sebelah mendapat dan diberikan pampasan yang segera, mencukupi dan berkesan.

2. Pampasan itu hendaklah dikira sebagai bersamaan dengan nilai pasaran yang betul bagi pelaburan tersebut sejurus sebelum masa apabila pengambilan sebenar atau ancaman untuk mengambil telah diketahui umum. Jika nilai pasaran tidak dapat ditentukan dengan betul maka pampasan itu hendaklah ditentukan menurut prinsip-prinsip perakaunan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pampasan itu hendaklah termasuk (LIBOR) mulai dari tarikh pengambilan sehingga tarikh pembayaran. Jumlah pampasan hendaklah tertakluk kepada kajian semula melalui proses undang-undang. Jumlah pampasan yang akhirnya ditentukan hendaklah dibayar kepada pelabur-pelabur dalam matawang boleh tukar dengan bebasnya, boleh direalisasikan dengan berkesan dan hendaklah dihantar balik menurut Perkara 6.

PERKARA 5

PAMPASAN KERANA KERUGIAN

1. Pelabur-pelabur suatu Pihak Pejanji yang pelaburan-pelaburannya di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi mengalami kerugian disebabkan oleh peperangan atau konflik bersenjata yang lain, suatu keadaan darurat nasional, pemberontakan, atau rusuhan di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi itu, hendaklah diberikan oleh Pihak Pejanji yang satu lagi itu layanan yang tidak kurang baiknya dari layanan yang diberikan oleh Pihak Pejanji yang satu lagi itu kepada pelabur-pelaburnya sendiri atau pelabur-pelabur dari mana-mana negara ketiga mengikut mana yang paling baik berhubung dengan restitusi, pampasan atau sebarang balasan berharga yang lain.
2. Tanpa menjejaskan perenggan 1 Perkara ini, pelabur-pelabur satu Pihak Pejanji yang dalam sebarang keadaan yang disebut dalam perenggan itu mengalami kerugian di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi yang berpunca dari:
 - a) pengambilan harta mereka oleh angkatan bersenjata atau pihak berkuasanya, atau
 - b) pemusnahan harta mereka oleh angkatan bersenjata atau pihak berkuasanya yang bukan disebabkan oleh pertempuran dan tidak dikehendaki oleh keperluan keadaan,hendaklah diberikan restitusi atau pampasan yang adil dan mencukupi.
3. Pembayaran yang berbangkit di bawah Perkara ini hendaklah dibuat dalam matawang boleh tukar dengan bebasnya, boleh direalisasikan dengan berkesan dan hendaklah dihantar balik tanpa bertanggung-tanggung menurut Perkara 6.

PERKARA 6
PEMINDAHAN BEBAS

1. Tiap-tiap Pihak Pejanji hendaklah memberikan jaminan kepada pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi, setelah melaksanakan semua kewajiban cukai dan pembayaran lain yang mengikat, pemindahan pembayaran dengan bebasnya berhubung dengan sesuatu pelaburan, khususnya:
 - a) amaun modal permulaan dan tambahan yang digunakan untuk menyelenggarakan, meningkatkan atau mengembangkan pelaburan-pelaburan;
 - b) pulangan;
 - c) pembayaran balik pinjaman;
 - d) hasil yang terakru dari penjualan seluruhnya atau separa atau pembubaran seluruhnya atau separa pelaburan itu;
 - e) pampasan yang diperuntukkan dalam Perkara-Perkara 4 dan 5;
 - f) amaun yang diperlukan bagi pembayaran di bawah sesuatu kontrak, termasuk amaun yang diperlukan bagi pembayaran balik royalti dan pembayaran lain hasil dari lesen, francais, konsesi dan hak lain yang sama;
 - g) perolehan pelabur-pelabur satu Pihak Pejanji yang bekerja berhubung dengan sesuatu pelaburan di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi.
2. Pemindahan hendaklah dibuat tanpa bertangguh-tangguh dan, dalam sebarang hal, dalam suatu tempoh masa yang tidak melebihi satu bulan dari tarikh permintaan bagi pemindahan tersebut dibuat. Pemindahan hendaklah dibuat pada kadar pertukaran pasaran yang terpakai pada tarikh pemindahan itu.
3. Sekiranya kadar pertukaran pasaran tidak ada, kadar pertukaran hendaklah sama dengan kadar silang yang diperolehi dari kadar-kadar tersebut yang akan digunakan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa pada tarikh pembayaran bagi penukaran matawang yang berkenaan ke dalam Hak Ambilan Istimewa yakni *Special Drawing Rights*.

PERKARA 7
SUBROGASI

1. Jika suatu Pihak Pejanji atau agensinya yang ditetapkan membuat pembayaran kepada pelabur-pelaburnya sendiri di bawah suatu jaminan yang telah diberikan

olehnya berkaitan dengan sesuatu pelaburan di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi atau jika sesuatu pelaburan di dalam wilayah satu Pihak Pejanji diinsuranskan dari risiko bukan perdagangan di bawah suatu sistem yang ditetapkan oleh undang-undang dan suatu pembayaran dibuat oleh penanggung insurans di bawah suatu tanggung rugi yang diberikan berkaitan dengan pelaburan tersebut, Pihak Pejanji yang disebut kemudian hendaklah mengiktiraf:

- a) penyerahan, sama ada di bawah undang-undang atau menurut suatu transaksi undang-undang di negara itu, sebarang hak atau tuntutan pelabur kepada Pihak Pejanji yang terdahulu atau agensinya yang ditetapkan, dan,
 - b) bahawa Pihak Pejanji yang terdahulu atau agensinya yang ditetapkan berhak menurut subrogasi untuk menjalankan hak-hak yang sama dan menguatkuasakan tuntutan-tuntutan yang sama pelabur tersebut dan hendaklah memikul obligasi yang sama berkaitan dengan pelaburan tersebut. Berhubung dengan pemindahan pembayaran yang dibuat menurut hak-hak atau tuntutan-tuntutan yang disubrogasi itu, Perkara 6 hendaklah dikenakan secara *mutatis mutandis*.
2. Hak-hak atau tuntutan-tuntutan yang disubrogasi itu tidaklah boleh melebihi hak-hak atau tuntutan-tuntutan asal pelabur itu.

PERKARA 8

PENYELESAIAN PERTIKAIAN DI ANTARA PIHAK-PIHAK PEJANJI

1. Pertikaian-pertikaian di antara Pihak-Pihak Pejanji berhubung dengan tafsiran atau penerapan Perjanjian ini hendaklah setakat yang boleh diselesaikan oleh Pihak-Pihak Pejanji melalui konsultasi dan rundingan diplomatik.
2. Jika pertikaian tersebut tidak dapat diselesaikan dalam masa enam bulan, pertikaian tersebut hendaklah atas permintaan salah satu Pihak Pejanji, dikemukakan kepada tribunal timbangtara menurut peruntukan-peruntukan Perkara ini.
3. Tribunal timbangtara hendaklah ditubuhkan bagi tiap-tiap Pihak Pejanji dengan cara berikut. Dalam masa dua bulan dari tarikh menerima permintaan bagi timbangtara, tiap-tiap Pihak Pejanji hendaklah melantik seorang ahli tribunal. Kedua-dua orang ahli itu hendaklah kemudiannya memilih seorang Pengerusi yang merupakan seorang rakyat negara ketiga yang menikmati hubungan diplomatik dengan Pihak-Pihak Pejanji. Pengerusi hendaklah dilantik dalam masa tiga bulan dari tarikh lantikan terakhir kedua-dua ahli itu.

4. Jika tempoh-tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 3 di atas tidak dipatuhi, salah satu Pihak Pejanji boleh, sekiranya sebarang penyusunan lain yang berkaitan tidak ada, mempelawa Presiden Mahkamah Keadilan Antarabangsa untuk membuat lantikan-lantikan yang diperlukan. Jika Presiden itu seorang rakyat dari salah satu Pihak Pejanji atau jika dia dihalang dari menunaikan tugas tersebut, Naib Presiden hendaklah membuat lantikan-lantikan yang diperlukan. Jika Naib Presiden itu seorang rakyat dari salah satu Pihak Pejanji atau jika dia juga dihalang dari menunaikan tugas tersebut, maka ahli Mahkamah Keadilan Antarabangsa yang kanan selepasnya yang bukan seorang rakyat dari salah satu Pihak Pejanji hendaklah membuat lantikan-lantikan yang diperlukan.
5. Tribunal timbangtara hendaklah mencapai keputusannya dengan undi terbanyak dan keputusannya hendaklah mengikat. Tiap-tiap Pihak Pejanji hendaklah menanggung kos penimbangtaranya sendiri dan peguamnya dalam prosiding timbangtara; kos Pengerusi dan kos selebihnya hendaklah ditanggung sama rata oleh Pihak-Pihak Pejanji. Tribunal timbangtara boleh membuat keputusan mengenai sebarang sistem alternatif untuk berkongsi kos. Dalam segala hal lain, tribunal timbangtara hendaklah menentukan prosedurnya sendiri.

PERKARA 9

PENYELESAIAN PERTIKAIAN PELABURAN

1. Sebarang pertikaian berhubung dengan pelaburan-pelaburan di antara satu Pihak Pejanji dan seorang pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi hendaklah, setakat yang boleh, diselesaikan secara persahabatan melalui rundingan di antara pihak-pihak yang bertikai.
2.
 - a) Jika suatu pertikaian tidak dapat diselesaikan dalam masa enam bulan dari tarikh apabila pertikaian itu telah dibangkitkan oleh salah satu pihak yang bertikai, maka pertikaian itu hendaklah, atas permintaan salah satu pihak yang bertikai, dikemukakan untuk pendamaian di bawah Konvensyen mengenai Penyelesaian Pertikaian Pelaburan di antara Negara-Negara dan rakyat Negara-Negara lain, yang terbuka untuk ditandatangani di Washington pada 18 Mac, 1965 ("Konvensyen tersebut").
 - b) Jika suatu pertikaian dirujukkan untuk pendamaian di bawah Konvensyen tersebut tetapi prosiding pendamaian ditamatkan kecuali dengan menandatangani suatu perjanjian penyelesaian, maka pertikaian tersebut hendaklah, atas permintaan salah satu pihak yang bertikai, dikemukakan untuk timbangtara di bawah Konvensyen tersebut.

Tiap-tiap Pihak Pejanji dengan ini mengaku bahawa prosedur tersebut diterima.

3. Sekiranya pihak-pihak yang bertikai telah bersetuju dengan cara lain, peruntukan-peruntukan perenggan 3 hingga 5 Perkara 8 hendaklah dikenakan secara *mutatis mutandis* dengan syarat bahawa lantikan ahli-ahli tribunal timbangtara menurut perenggan 3 Perkara 8 dibuat oleh pihak-pihak yang bertikai dan bahawa, setakat mana tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 3 Perkara 8 tidak dipatuhi, salah satu pihak yang bertikai boleh, sekiranya penyusunan lain tidak ada, mempelawa Presiden Mahkamah Timbangtara Antarabangsa daripada *International Chamber of Commerce* di Paris untuk membuat lantikan-lantikan yang dikehendaki. Tribunal timbangtara hendaklah menentukan prosedurnya sendiri menurut Aturan-Aturan Timbangtara Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa.
4. Dalam masa prosiding timbangtara atau penguatkuasaan sesuatu award, Pihak Pejanji yang terlibat dalam pertikaian itu tidaklah boleh menimbulkan bantahan bahawa pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi telah menerima pampasan di bawah suatu kontrak insurans berkaitan dengan semua atau sebahagian dari kerugiannya. Dalam konteks ini, jumlah pampasan menurut award timbangtara yang boleh dibayar kepada pelabur Pihak Pejanji itu tidaklah termasuk jumlah pampasan yang dilindungi oleh syarikat insurans.
5. Award timbangtara hendaklah muktamad dan terikat kepada pihak-pihak dalam pertikaian itu. Tiap-tiap Pihak Pejanji berjanji untuk melaksanakan award tersebut menurut undang-undang negaranya.

PERKARA 10

OBLIGASI LAIN

1. Jika sesuatu perkara itu dikawal serentak oleh Perjanjian ini dan juga oleh perjanjian antarabangsa lain di mana Pihak-Pihak Pejanji adalah pihak-pihak dalam perjanjian antarabangsa lain itu, tiada sebarang apa pun dalam Perjanjian ini boleh menghalang salah satu Pihak Pejanji atau mana-mana pelaburnya yang memiliki pelaburan-pelaburan di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi dari mengambil faedah daripada mana-mana sahaja aturan-aturan yang lebih baik baginya.
2. Jika layanan yang akan diberikan oleh satu Pihak Pejanji kepada pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi menurut undang-undang dan peraturan-peraturannya atau peruntukan-peruntukan lain yang tertentu dalam kontrak-kontrak adalah lebih baik dari layanan yang diberikan oleh Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan yang lebih baik itu hendaklah diberikan.

PERKARA 11
PENGENAAN PERJANJIAN INI

1. Peruntukan-peruntukan Perjanjian ini hendaklah dikenakan kepada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur satu Pihak Pejanji di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi sebelum dan juga selepas mula berkuatkuasanya Perjanjian ini.
2. Peruntukan-peruntukan Perjanjian ini tidaklah boleh dikenakan kepada pertikaian-pertikaian berhubung dengan pelaburan-pelaburan di antara pelabur-pelabur satu Pihak Pejanji dan Pihak Pejanji yang satu lagi yang berbangkit sebelum Perjanjian ini mula berkuatkuasa.

PERKARA 12
PINDAAN

1. Peruntukan-peruntukan Perjanjian ini boleh dipinda dengan persetujuan bersama Pihak-Pihak Pejanji.
2. Pindaan-pindaan tersebut hendaklah dimasukkan dalam Protokol tambahan yang akan menjadi suatu bahagian penting yang melengkapkan Perjanjian ini.

PERKARA 13
MULA BERKUATKUASA, TEMPOH DAN PENAMATAN

1. Tiap-tiap Pihak Pejanji hendaklah memberitahu Pihak Pejanji yang satu lagi secara bertulis mengenai selesainya prosedur undang-undang mereka masing-masing bagi menguatkuasakan Perjanjian ini. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh pemberitahuan diplomatik yang kemudiannya.
2. Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh selama sepuluh tahun. Setelah itu, Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga tamatnya tempoh dua belas bulan dari tarikh apabila salah satu Pihak Pejanji telah memberi notis bertulis mengenai penamatan Perjanjian ini kepada Pihak Pejanji yang satu lagi.
3. Perjanjian ini hendaklah berkuatkuasa tanpa mengira sama ada atau tidak hubungan diplomatik atau konsular wujud di antara Pihak-Pihak Pejanji.

4. Berkaitan dengan pelaburan-pelaburan yang dibuat sebelum Perjanjian ini ditamatkan, peruntukan-peruntukan Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa bagi tempoh selama sepuluh tahun dari tarikh Perjanjian ini ditamatkan.
5. Protokol yang dilampirkan kepada Perjanjian ini hendaklah menjadi suatu bahagian penting yang melengkapkan Perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKANNYA, wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini, yang telah diberi kuasa, telah menandatangani Perjanjian ini.

Diperbuat dalam dua salinan di Kiev, Ukraine, pada hari ini *18* Jun 2004, dalam bahasa Ukraine, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, ketiga-tiga naskhah adalah sama sahnyanya. Sekiranya terdapat perbezaan tafsiran maka naskhah bahasa Inggeris akan terpakai.

MYKOLA DERKACH
MENTERI EKONOMI DAN
PENYATUAN EROPAH
BAGI PIHAK
KERAJAAN UKRAINE



PEHIN DATO HAJI YAHYA
SETIAUSAHA TETAP
JABATAN PERDANA MENTERI
BAGI PIHAK
KERAJAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Protokol
Kepada Perjanjian
Di antara
Kerajaan Ukraine
Dan
Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam

Bagi Penggalakan dan Perlindungan Timbal Balik Pelaburan

Setelah Perjanjian ini ditandatangani di antara Kerajaan Ukraine dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Penggalakan dan Perlindungan Timbal balik Pelaburan, wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini, sebagai tambahan, telah bersetuju dengan peruntukan-peruntukan berikut yang akan menjadi suatu bahagian penting yang melengkapkan Perjanjian ini:

1. Perkara 3 tambahan
 - a) Langkah-langkah yang diambil oleh satu Pihak Pejanji untuk meneruskan matlamat pembangunannya bagi merangsang wujudnya industri-industri di dalam wilayahnya dan hanya dikenakan kepada rakyatnya adalah tidak dianggap sebagai bertentangan dengan obligasi Perkara 3, dengan syarat langkah-langkah tersebut pada keseluruhannya tidak merugikan pelaburan-pelaburan yang telah ditetapkan dan diterima yang dibuat oleh pelabur-pelabur Pihak Pejanji yang satu lagi. Langkah-langkah yang telah diambil kerana ketenteraman dan keselamatan awam, kesihatan awam atau moral tidaklah boleh dianggap sebagai “layanan kurang baik” dalam makna Perkara 3.
 - b) Berikut hendaklah terutama sekali, tetapi tidak secara eksklusif, dianggap sebagai “aktiviti” dalam makna Perkara 3(2): pengurusan, penyelenggaraan, penikmatan, penjualan atau pelupusan lain sesuatu pelaburan. Berikut hendaklah, khasnya, dianggap sebagai “layanan kurang baik” dalam makna Perkara 3: layanan yang tidak sama dalam hal sekatan ke atas pembelian bahan-bahan mentah atau simpanan, tenaga atau bahan bakar atau sebarang jenis alat penghasilan atau pengendalian, layanan yang tidak sama dalam hal menghalang pemasaran produk di

dalam atau di luar negara, dan juga sebarang langkah lain yang mempunyai kesan yang sama.

- c) Peruntukan-peruntukan Perkara 3 tidak mewajibkan suatu Pihak Pejanji untuk memberikan kepada pelabur-pelabur yang menetap di dalam wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi keistimewaan cukai, pengecualian cukai dan pengurangan cukai yang menurut undang-undang cukainya adalah diberikan hanya kepada pelabur-pelabur yang menetap di dalam wilayahnya.
- d) Pihak Pejanji hendaklah dalam rangka kerja undang-undang negaranya memberikan pertimbangan belas kasihan kepada sesuatu permohonan untuk memasuki dan tinggal sementara bagi orang-orang dari salah satu Pihak Pejanji yang ingin memasuki wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi berhubung dengan sesuatu pelaburan; ia hendaklah dikenakan kepada orang-orang yang diambil berkerja dari salah satu Pihak Pejanji yang berhubung dengan sesuatu pelaburan, ingin memasuki wilayah Pihak Pejanji yang satu lagi dan tinggal sementara di sana untuk mengambil pekerjaan. Dalam konteks ini, sesuatu permohonan bagi permit kerja hendaklah juga diberikan pertimbangan belas kasihan.
2. Apabila barang-barang atau orang-orang yang ada kaitannya dengan sesuatu pelaburan hendak diangkut, tiap-tiap Pihak Pejanji tidaklah boleh menghalang masuk atau menghalang perusahaan pengangkutan dari Pihak Pejanji yang satu lagi dan hendaklah mengeluarkan permit-permit, menurut undang-undang dan peraturan-peraturannya, sebagaimana yang dikehendaki untuk melaksanakan pengangkutannya.

MYKOLA DERKACH
MENTERI EKONOMI DAN
PENYATUAN EROPAH
BAGI PIHAK
KERAJAAN UKRAINE



PEHIN DATO HAJI YAHYA
SETIAUSAHA TETAP
JABATAN PERDANA MENTERI
BAGI PIHAK
KERAJAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

